

TPM rasmi Hari Peladang peringkat kebangsaan hari ini

IPOH 10 Ogos — Menteri Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2001 di Ladang Infoternak, Jabatan Perkhidmatan Haiwan di Sungai Siput esok.

Beliau yang akan diiringi oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Pertanian, Datuk Dr. Mohd. Effendi Norwawi dijangka tiba di tapak perasmian pada pukul 2.15 petang.

Majlis perasmian perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan itu yang bertemakan Pertanian Moden Membina Nega-

ra akan disiarkan secara langsung oleh RTM. Selepas berucap merasmikan perayaan itu, Abdullah akan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan.

Beliau kemudian akan melawat ke tapak pameran serta jualan dan promosi hasil pertanian dan haiwan ternakan sebelum berlepas pulang.

Perayaan itu yang terbesar pernah diadakan setakat ini akan berlangsung lapan hari melibatkan penyertaan 28 agensi kerajaan dan pusat-pusat pengajian tinggi awam serta kira-kira 300 peserta dari sektor swasta yang akan mendirikan khemah pameran masing-masing.